

14 DEC 2001

PBS-Kebangkitan (Fokus Berita)

PAIRIN TERAJUI KEBANGKITAN SEMULA PBS

Oleh: Newmond Tibin

KOTA KINABALU, 14 Dis (Bernama) -- Setelah gagal memperlihatkan kemajuan dalam percubaannya untuk menguasai semula kerajaan negeri pada pilihan raya umum negeri 1999, banyak peramal politik percaya Parti Bersatu Sabah (PBS) akhirnya akan lenyap.

Menurut ramalan mereka, parti pembangkang itu akan mengalami nasib yang sama dengan apa yang dilalui oleh Usno dan Parti Berjaya yang suatu ketika dulu merupakan dua parti gagah yang menguasai kerajaan negeri secara berganti-ganti selama 10 tahun sebelum PBS mengambil alih kuasa pada 1985.

Mereka juga percaya bahawa PBS yang dipimpin oleh bekas Ketua Menteri dan pemimpin utama Kadazandusun Datuk Joseph Pairin Kitingan bukan lagi merupakan sebuah parti yang perlu diberi perhatian kerana sudah berada di ambang kemusnahan politik.

Bagaimanapun, bersalahan dengan apa yang diduga dan dalam apa yang dilihat sebagai kebangkitan semula PBS, Pairin, seorang ahli politik yang cukup berpengalaman, telah menggunakan perkiraan logik untuk mengemudi semula kapalanya yang kelihatan hampir karam di lautan dalam ke pangkalan yang paling sesuai baginya iaitu Barisan Nasional (BN).

Perkiraan penuh dramatik ini akhirnya menyaksikan PBS membuat keputusan untuk kembali menyertai BN dengan Pairin sendiri menyerahkan borang permohonan parti itu kepada Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 15 Nov, di Putrajaya. Keputusan mengenai permohonan PBS itu bagaimanapun akan hanya diketahui mungkin selepas Hari Raya Puasa.

"Pairin adalah ahli politik tulen... dia tahu apa yang perlu dilakukan ketika menghadapi masa depan yang tidak menentu.

"Saya percaya ini baik untuk rakyat Sabah... kita semua inginkan perpaduan yang berkekalan dan kita gembira akhirnya ia tercapai," kata Ketua Pemuda PBS Almudin Kaida.

Katanya, kebanyakan penyokong peringkat akar umbi PBS termasuk sayap Pemuda menyokong langkah PBS untuk menyertai semula BN bagi menjamin kestabilan politik serta pembangunan yang berterusan di negeri itu.

"Terdapat penyokong kuat yang mula menjauhkan diri daripada parti selepas ia tewas dalam pilihan raya negeri 1999 tetapi kini kembali semula kepada kami hinggakan ibu pejabat kehabisan borang keanggotaan," katanya.

Almudin berkata ini merupakan petunjuk baik bagi masa depan parti itu dan Pemuda berharap PBS akan terus mempunyai tempat dalam aren politik negeri ini.

Katanya, kini sudah tiba masanya bagi semua peringkat anggota masyarakat termasuk parti politik untuk duduk semeja dan mencari jalan bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh negeri ini khususnya masalah pendatang tanpa izin yang sudah sekian lama menghantui Sabah.

"Yang lalu, biarkanlah berlalu, kini kita memasuki bab baru... marilah kita bersatu-padu demi kebaikan rakyat dan negeri ini," kata Almudin.

PBS pernah menjadi parti komponen BN selama kira-kira lima tahun sebelum meninggalkan parti gabungan itu secara mengejut menjelang pilihan raya umum 1990 dan menyertai Parti Melayu Semangat 46 yang kini hanya tinggal sejarahnya.

Ketika menjelaskan tentang alasan PBS untuk kembali semula ke pangkuan BN pada kongres parti itu baru-baru ini, Pairin berkata: "Dalam keadaan sekarang... globalisasi, kita perlu bekerjasama."

Banyak orang percaya kemasukan PBS ke dalam BN merupakan "jawapan

ajaib" bagi enigma yang kelihatan terus wujud dalam politik Sabah iaitu "apabila sudah kehilangan kuasa, hampir mustahil untuk kembali semula".

Inilah yang terjadi kepada bekas parti pemerintah, Usno, pimpinan Allahyarham Tun Datu Mustapha Datu Harun dan Parti Berjaya pimpinan Datuk Harris Salleh, yang terpaksa menutup buku setelah percubaan yang dibuat sebanyak beberapa kali tidak membawa sebarang hasil.

"Saya fikir setelah kalah dalam pilihan raya negeri 1999 dan dalam pilihan raya peringkat parlimen kemudiannya, PBS sudah habis.

"Tidak pernah terfikir oleh saya yang Pairin masih mampu menyelamatkan parti itu setelah seorang demi seorang anggota dewan undangan negeri yang dipilih lari menyertai BN sebaik saja selepas pilihan raya... ia adalah langkah bijak," kata Lodimun Balantis dari Kampung Mangkaladom, Kiulu.

Katanya, keputusan PBS untuk kembali menyertai BN adalah baik untuk negeri ini kerana ia boleh mewujudkan suasana politik yang baik dan ini membolehkan kerajaan memberi lebih banyak tumpuan kepada usaha membangunkan negeri.

Sebelum ini, dalam apa yang dilihat sebagai alamat tidak baik bagi PBS, lapan daripada bekas anggota dewan undangan negerinya telah berpaling tadah dan menyertai BN dengan menyertai parti-parti komponannya -- Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) dan Umno, sebaik sahaja selepas pilihan raya negeri.

Nasib PBS terus malang berikutan tindakan orang kuatnya yang juga anggota dewan undangan negeri Moyog, Datuk Clarence Bongkos Malakun meninggalkan parti itu untuk menyertai sebuah parti komponen BN di Sabah -- Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO).

Tindakannya itu nyata menjadikan nasib PBS lebih parah setelah ia ditinggalkan oleh beberapa orang pemimpinnya sejak ditubuhkan pada 1985.

Kini, hanya lapan daripada 17 anggota dewan undangan negeri yang dipilih masih setia kepada parti itu termasuk pengikut setia Pairin -- Timbalan Presiden Dr Maximus Ongkili dan Dr Yee Moh Chai serta setiausaha agung parti, Radin Malleh.

Mengulas perkara itu, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam berkata walaupun ramai berpendapat bahawa sokongan terhadap PBS kini sedang "merosot", ia sebenarnya masih mendapat sokongan kuat.

"Dengan kedudukan beliau sebagai pemimpin utama Kadazandusun, Pairin masih mendapat sokongan kuat daripada Bumiputera bukan Islam di Sabah," katanya.

Dengan kemasukan semula PBS ke dalam BN, tanggapan tentang senario politik yang sukar diramal di Sabah kini berakhir dan sebaliknya muncul pula sebuah kerajaan negeri yang stabil.

-- BERNAMA

NT JS SP NMO